



ANGGOTA penyelamat membawa mangsa yang cedera ke dalam ambulans.



KEADAAN bas yang terbabas akibat masalah brek.

Bas USIM terbabas

■ 2 pelajar parah, 9 cedera kenderaan alami masalah brek

Oleh Mohamad Azim
Fitri Abd Aziz
am@hmetro.com.my
Gombak

Sebuah bas membawa 24 pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terbabas melintang longkang di Jalan Sungai Tua, di sini, selepas bas berkenaan dipercayai mengalami

masalah brek, petang semalam.

Dalam kejadian jam 6.30 petang itu, bas yang dipercayai dalam perjalanan pulang dari Hutan Lipur Ulu Yam dikatakan hilang kawalan ketika menuruni jalan curam sebelum ia terbabit terbabas.

Ketua Polis Daerah Gombak Asisten Komisioner Ali

Ahmad bagaimanapun berkata, tiada mangsa yang terkorban tetapi dua pelajar wanita dilaporkan cedera parah manakala sembilan lagi cedera ringan.

Menurutnya, seorang pelajar dikejarkan ke Hospital Selayang manakala seorang lagi dihantar ke Hospital Kuala Lumpur untuk rawatan.

"Selain dua mangsa itu

yang cedera parah serta cedera ringan itu, semua pelajar lain berusia antara 20 hingga 25 tahun dilaporkan selamat," katanya yang ditemui di tempat kejadian.

Katanya, polis sudah mengambil keterangan pemandu bas berusia 44 tahun dan siasatan lanjut sedang dijalankan bagi mengetahui punca kemalangan.